

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**HKB 316 – Karya-Karya Terpilih Dari Kesusasteraan  
Eropah dan Amerika**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. “Wise men never say what they think about women” (Samuel Butler).

Dengan merujuk kepada pendapat di atas, bincangkan sejauh manakah Ibsen berjaya mengkritik pernyataan di atas dengan memaparkan watak-watak wanita yang kompleks serta perhubungan gender yang rumit dalam *A Doll's House*.

2. “He always thought of the sea as la mar which is what people call her in Spanish when they love her...Some of the younger fishermen, those who used bouys as floats for their lines and had motor-boats, bought when the shark livers had brought much money, spoke of her as el mar which is masculine.” (*The Old Man and The Sea*).

Berdasarkan pernyataan di atas sebagai titik tolak, bandingkan hubungan Santiago dan generasi nelayan muda dengan alam semula jadi, lantas tunjukkan sejauh manakah Hemingway berjaya mempertingkatkan Santiago ke peringkat manusia luar biasa.

3. Epigraf dalam novel *Almayer's Folly* berbunyi:

Who among us  
has not had his promised land  
his day of ecstasy  
and his end in exile. (Amiel)

Dengan merujuk kepada epigraf di atas, bincangkan wawasan Conrad tentang kesan-kesan kolonialisme yang dipaparkan bukan sahaja melalui watak-watak yang dijajah tetapi juga mereka yang menjajah.

4. Dalam “In the American Society”, Gish Jen menggunakan sudut pandangan seorang wanita muda untuk meneroka pertembungan budaya yang menimpa sebuah keluarga Asia-Amerika. Bagaimanakah penggunaan pencerita pertama itu memperkayakan persoalan Gish Jen?
5. Kepadatan bentuk cerpen menguji kemahiran pengarang yang ingin menyelami jiwa protagonisnya. Sejauh manakah Margaret Atwood berjaya dalam penerokaan psikologi watak Christine?
6. “In The Coming-out of Maggie”, O. Henry explores the truth, falsity, usefulness and dangers of ethnic stereotypes.”

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan persoalan dan teknik naratif O. Henry.